UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AOP303 - ORGANISASI DAN METOD

Masa : [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Bincangkan pendekatan utama untuk menilai keberkesanan organisasi. Pada pandangan anda, pendekatan yang mana patut digunakan untuk menilai prestasi sesebuah universiti? Mengapa?

[20 markah]

2. (a) Terangkan bidang prestasi utama (key result areas) yang matlamatnya patut ditetapkan oleh semua organisasi.

[10 markah]

(b) Bezakan di antara (i) matlamat rasmi dan matlamat operasi; (ii) penggantian matlamat (goal successions) dan pengalihan matlamat (goal displacement).

[10 markah]

3. Apakah perkaitan di antara teknologi dan struktur? Bincangkan secara ringkas sumbangan Joan Woodward dan James Thompson dalam perkara ini.

[20 markah]

...2/-

4. Nyatakan implikasi umum teori kontingensi, teori pilihan strategik, dan pendekatan populasi-ekologi dari segi perkaitan di antara struktur, strategi dan persekitaran organisasi.

[20 markah]

5. (a) Terangkan secara ringkas tiga komponen reka bentuk organisasi.

(b) Bincangkan ciri-ciri dan kesesuaian struktur organik dan mekanistik.

[20 markah]

6. Apakah tujuan pertumbuhan organisasi. Terangkan fasa-fasa pertumbuhan mengikut model Greiner dan implikasinya terhadap pengurusan.

[20 markah]

7. Dalam konteks masa kini di mana persekitaran pesat berubah, apakah bentuk struktur atau pengubahsuaian yang anda fikirkan perlu untuk menjamin kejayaan organisasi masa depan?

[20 markah]

---ooo000ooo---